

Headline	Kelengkapan pembersih untuk jemaah haji		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Aug 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	7	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	217 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,480
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,441



## Kelengkapan pembersih untuk jemaah haji



**Rangkaian** penjagaan diri antibakteria inovatif, Antabax dengan kerjasama Lembaga Tabung Haji (TH) melancarkan kempen tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan membekalkan 13,297 kit pembersih kepada jemaah haji yang akan menunaikan haji, tidak lama lagi.

Strategi kempen itu dianjurkan untuk membantu jemaah mengekalkan penjagaan kesihatan yang sempurna sepanjang melakukan Rukun Islam kelima.

Pengurus Penjenamaan Antabax, Lam Soon Edible Oils

Sdn Bhd, Lee Khai Wan, berkata rangkaian produk yang dijamin halal dan selamat itu bukan saja menawarkan penjagaan antibakteria inovatif, tapi mudah dibawa oleh jemaah sepanjang menunaikan haji.

### **Bebas Jangkitan kuman**

"Kami berbesar hati dapat membantu jemaah haji untuk memberi kesedaran mengenai pentingnya penjagaan kebersihan sepanjang beribadah.

"Kebersihan adalah aspek penting untuk mengelakkan sebarang jangkitan penyakit. Kit ini

mengandungi produk Antabax yang berguna bagi mengekalkan kebersihan jemaah," katanya, baru-baru ini.

Antara produk dibekalkan termasuk sabun Antabax, gel basmi kuman (50 mililiter) dan satu paket tisu pembersih antibakteria.

Sebelum ini, Antabax bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam pelbagai kempen termasuk mendidik dan menepatkan kesedaran mengenai penyakit berjangkit seperti H1N1, selain demonstrasi mencuci tangan.